

10 OCT 1996

Bola sepak-AFC

AFC BINA PUSAT PENYELIDIKAN DAN TEKNOLOGI DI SINI

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Bangunan Gabungan Persekutuan Bola Sepak Asia yang akan dibina di Bukit Jalil dekat sini akan menempatkan pusat penyelidikan dan teknologi bagi Asia dan negara-negara lain, kata Pengerusi Jawatankuasa Bangunan Tengku Abdullah ibni Sultan Ahmad Shah.

Sambil menyifatkan bangunan tiga tingkat bernilai RM16 juta itu sebagai struktur pintar, beliau berkata bagi Malaysia, ibu pejabat AFC di sini menggambarkan keyakinan negara-negara bola sepak Asia yang lain terhadap Malaysia.

Kerajaan memperuntukkan kawasan seluas 1.8 hektar di Bukit Jalil untuk AFC.

Bercakap di majlis menandatangani penyerahan tanah itu, Tengku Abdulah berkata ibu pejabat AFC boleh dijadikan pusat rujukan untuk Asia dan gabungan persekutuan bola sepak yang lain.

Setiausaha AFC Datuk Peter Velappan menandatangani bagi pihak gabungan persekutuan sementara Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Datuk Wan Abdul Wahid Wan Hassan mewakili kerajaan.

Tengku Abdullah berkata, penubuhan ibu pejabat Asia di sini merupakan satu langkah ke hadapan ke arah mempromosi Kuala Lumpur sebagai ibu negeri sukan dunia itu.

Beliau berkata upacara pecah tanah akan diadakan April depan, semasa cabutan Piala Dunia Remaja dan bangunan itu dijangka siap Disember tahun berikutnya.

Kerja-kerja pembinaan di tapak itu akan bermula dalam masa dua minggu, katanya.

"Bagi pihak AFC, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana bermurah hati," kata beliau.

Selain ruang pejabat, ibu pejabat itu juga akan menyediakan kemudahan seperti dewan pelbagai guna, gimnasium, pusat maklumat, biik video dan kafeteria.

Sebanyak 45 negara Asia bergabung dengan AFC. -- BERNAMA

DC NHD PR